

24 SEP 2002  
MAHATHIR-EURO/I  
M'SIA MUNGKINKAN NAIKKAN RIZAB DALAM EURO

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

COPENHAGEN, 24 Sept (Bernama) -- Malaysia mungkin menaikkan sedikit jumlah rizab antarabangsa yang berdenominasikan euro yang dipegang oleh Bank Negara Malaysia, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Bagaimanapun beliau berkata Malaysia perlu melihat bagaimana euro akan muncul sebagai satu alternatif kepada dolar AS dalam perdagangan antarabangsa.

Sehingga kini, Malaysia masih belum yakin bahawa mata wang Eropah itu telah memperoleh kedudukan penting sebagai mata wang peneraju perdagangan bagi menyediakan penggunaan yang lebih meluas serta kemungkinan alternatif kepada dolar Amerika Syarikat, katanya semasa menjawab pertanyaan mengenai kemungkinan negara-negara Asia seperti Malaysia akan mempercepatkan penggunaan euro.

Dr Mahathir yang memberitahu sidang media selepas Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM) yang berlangsung selama dua hari di sini bahawa Malaysia memantau prestasi euro.

ASEM kali keempat itu berakhir hari ini.

Menurut para pegawai ASEM, Dr Mahathir merupakan pemimpin yang membangkitkan isu mengenai keberdayaan penggunaan euro sebagai satu alternatif kepada dolar AS serta kesan dan implikasi kepada negara-negara jika unit itu digunakan sebagai cara penyelesaian transaksi antarabangsa, semasa perbincangan tidak rasmi dengan rakan sejawatan dari negara di Asia dan Eropah yang bertemu di Bella Center.

Perbincangan mengenai euro terkandung dalam agenda ASEM yang dihadiri 10 negara Asia dan 15 anggota Kesatuan Eropah (EU) serta Suruhanjaya Eropah.

Unit euro diperkenal pada 1 Jan, 2000 dengan syiling dan wang kertas euro hanya diperkenal pada Januari tahun ini menggantikan mata wang tempatan 12 negara anggota.

Bagi tempoh yang singkat, mata wang berkenaan telah menunjukkan beberapa peringkat peningkatan selepas mula diperkenalkan dan kini hampir setara dengan dolar AS.

Permulaannya, euro dianggap akan sentiasa mempunyai nilai yang lebih tinggi daripada dolar AS tetapi sebenarnya, mata wang itu susut berbanding dolar AS dan kini semakin kukuh, katanya.

"Kami akan melihat sama ada ia akan kekal dalam jajaran itu atau naik dalam nilainya atau tidak, adalah penting bagi kami untuk mempunyai mata wang alternatif kepada dolar AS apabila kami berdagang," kata Dr Mahathir.

Tetapi terdapat kecenderungan sekarang nilai barangan dalam euro ditukar kepada dolar AS dan kemudiannya ditukar balik ke euro yang secara asasnya euro tidak berdiri sendiri, katanya.

Dr Mahathir berkata apa yang Malaysia mahu lihat ialah harga-harga di sebut harga dalam euro tanpa mengira jika harga itu disebut harga dalam dolar akan naik.

"Kami akan sampai ke peringkat di mana AS perlu menyelaraskan harga mereka kerana nilai euro," kata Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan.

Sebagai contohnya, beliau berkata sekiranya harga euro bagi petroleum lebih rendah (berlawanan) dengan dolar AS, nilai dolar sepatutnya jatuh.

"Dalam kata lain, euro sepatutnya menerajui dan dolar AS sepatutnya mengikutnya. Apabila ini berlaku, saya rasa kami akan beralih (lebih) kepada euro, atau sekurang-kurangnya mempunyai lebih banyak rizab dalam

mata wang Eropah itu," kata Dr Mahathir lagi. -- BERNAMA  
MR MSL FR NHD